

Memastikan ibu negara teratur, bersih, mesra penduduk

DBKL GEMPUR HALANGAN AWAM

AZLAN ZAMBRY

SEBAGAI pentadbir bandar raya yang komited dalam memastikan Kuala Lumpur kekal teratur, bersih dan mesra penduduk, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) terus memperhebat operasi penguatkuasaan terhadap peniaga dan individu yang gagal mematuhi peraturan di kawasan awam.

Menerusi dua perkongsian di laman Facebook DBKL, dua operasi berasingan dilaksanakan di kawasan tumpuan, Brickfields, Lorong Haji Taib dan Jalan Tuanku Abdul Rahman dengan fokus terhadap pengosongan halangan fizikal di laluan awam serta pemantauan aspek kebersihan.

Menurut DBKL di sekitar Jalan Tun Sambanthan dan Jalan Thambipillay, pihaknya telah mengambil tindakan terhadap peniaga yang meletakkan kerusi, meja, kanopi dan barangan perhiasan wanita di pesiar kaki tanpa kebenaran.

“Sebanyak lapan tindakan sitaan, dua notis penguatkuasaan dan satu notis trafik telah dikeluarkan mengikut peruntukan di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 serta UUK 3(1) Undang-Undang Kecil

Pelesenan Penjaja (WPKL) 2016.

“Tindakan tegas ini dilaksanakan bagi memastikan laluan awam tidak dihalang dan kekal selamat untuk kegunaan orang ramai,” jelas DBKL.

Dalam operasi berasingan yang dijalankan di Lorong Haji Taib dan Jalan Tuanku Abdul Rahman, pihak berkuasa itu telah mengeluarkan 35 kompaun ke atas pelbagai kesalahan melibatkan pembuangan sampah dan halangan di tempat awam.

“Antara kesalahan paling ketara termasuk meletakkan barang niaga di kawasan awam tanpa permit sah, membuang sampah ke dalam longkang dan ruang terbuka dan menghalang aliran air dengan longgokan barang dan sisa.

“Sebanyak 16 kompaun di bawah Seksyen 46(1)(d) iaitu halangan jalan awam, 12 kompaun di bawah Seksyen 47(1)(d) iaitu pembuangan sampah merata dan tujuh kompaun di bawah Seksyen 47(1)(a) kerana menghalang saluran longkang,” katanya.

Menurut DBKL operasi seumpama ini bukan sekadar tindakan undang-undang, tetapi juga bersifat pendidikan kepada

peniaga dan orang awam supaya lebih bertanggungjawab menjaga kebersihan dan ruang bersama.

“Tindakan berterusan ini akan difokuskan di lokasi berisiko tinggi yang telah dikenal pasti, terutama kawasan komersial yang sering kali menyaksikan pelanggaran peraturan,” katanya.

DBKL menegaskan bahawa persekitaran bandar yang bersih dan tersusun akan mencerminkan imej profesional Kuala Lumpur di mata dunia serta meningkatkan kualiti hidup warganya.

Peniaga juga diingatkan agar tidak meletakkan halangan di laluan hadapan atau belakang premis kerana ia boleh mengganggu keselamatan pejalan kaki dan menjejaskan wajah bandar.

Kempen ‘Jagalah Kebersihan Agar Kesihatan Terjamin’ terus digiatkan sebagai simbol komitmen DBKL untuk membentuk budaya sivik dan disiplin tinggi dalam kalangan warga kota.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan operasi semasa, orang ramai boleh mengikuti makluman rasmi melalui Facebook DBKL. 



ANGGOTA penguat kuasa DBKL menyita kanopi yang didapati menghalang laluan awam dalam operasi di kawasan tumpuan sekitar ibu negara.